

أربعون بابا في بياء نيل السرياء

40 PEDOMAN MEMBURU AL-RAYYAN

Pertubuhan ini mula bergerak melaksanakan kempen dan bantuan kepada pelarian dan mangsa-mangsa peperangan Syria pada tahun 2011. Ketika itu, kami bergerak dengan nama 'Syria Di Hatiku' yang bernaung di bawah Pertubuhan Sinar Damsyik (PERSIDAM).

Melalui hasil sumbangan rakyat Malaysia, bantuan secara berkala mula dihantar ke kem-kem pelarian Syria pada tahun 2012.

Pada tahun 2018, Pertubuhan Peduli Insan Malaysia didaftarkan secara rasmi bagi meluaskan lagi kerja dan bantuan misi-misi kemanusiaan.

Pada awal penubuhan pertubuhan ini, kami dikenali dengan nama Insan Care. Namun, setelah beberapa ketika Pertubuhan Peduli Insan Malaysia lebih selesa dikenali sebagai Peduli Insan.

Pejabat operasi Peduli Insan juga telah ditubuhkan di Turki dan Syria bagi melancarkan lagi kerja-kerja kemanusiaan.

Kini Peduli Insan tidak lagi tertumpu kepada kes-kes bantuan kemanusiaan di Syria sahaja, sedikit demi sedikit kami cuba untuk melebarkan jaringan dan bantuan kepada masyarakat seluruh dunia yang memerlukan.

Pada tahun 2020, projek kemanusiaan pertama telah dilancarkan di Malaysia bagi membantu rakyat negara ini. Bermula dengan projek Cov-Aid yang menyasarkan golongan yang terjejas ketika pandemik Covid-19, perlahan-lahan Peduli Insan mula menyusun bantuan-bantuan lain buat rakyat Malaysia yang memerlukan.

Untuk menyumbang layari :



BANK ISLAM

07043011061835

"PERTUBUHAN PEDULI INSAN MALAYSIA"

www.peduliinsan.org | info@peduliinsan.org

أربعون بابا في بياء نيل السرياء

40 PEDOMAN
MEMBURU AL-RAYYAN

Susunan :
UNIT PENYELIDIKAN & KAJIAN SYARIAH
PERTUBUHAN PEDULI INSAN MALAYSIA

Susunan :

**UNIT PENYELIDIKAN & KAJIAN SYARIAH
PERTUBUHAN PEDULI INSAN MALAYSIA**

أربعون بابا في بياء نيل السرياء

40 PEDOMAN MEMBURU AL-RAYYAN

Sesungguhnya dalam syurga terdapat sebuah pintu yang dikenali dengan nama al-Rayyan khusus untuk ahli puasa memasuki syurga melaluinya pada hari kiamat kelak. Selain mereka tidak dibenarkan masuk."

(Riwayat Ahmad, al-Bukhari dan Muslim)




Susunan :

UNIT PENYELIDIKAN & KAJIAN SYARIAH
PERTUBUHAN PEDULI INSAN MALAYSIA

الأربعون بابا
في بياب نيل السرياب

**40 PEDOMAN
MEMBURU AL-RAYYAN**



KATA-KATA ALUAN PENYUSUN

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ أَمَّا بَعْدُ

Puasa merupakan salah satu dari rukun Islam yang lima. Ia diwajibkan ke atas mukallaf yang mukmin selama sebulan dalam setahun serta disunatkan pada hari-hari tertentu di sepanjang tahun. Objektif utamanya hanya satu iaitu untuk membangunkan upaya taqwa di kalangan manusia yang beriman dan menjadikan mereka di kalangan golongan muttaqin secara sepenuh masa dalam kehidupan.

1

Buku kecil ini memuatkan 41 buah topik berkaitan ibadah puasa yang merangkumi sepotong ayat Al-Quran dan 52 buah hadith-hadith Nabi s.a.w. Ia disusun bertujuan untuk menambahkan pendedahan kepada para pembaca terhadap hadith-hadith Nabi berkaitan puasa. Setiap dalil yang disusun telah dihurai dengan uslub yang ringkas dan sederhana bagi membentuk kefahaman asas terhadap maksud Allah dan Rasulullah s.a.w dari hadith-hadith terbabit.

Hadith-hadith di dalam cacatan ini telah dipetik dari kitab-kitab hadith *Sihah* dan *Sunan*. Setiap hadith akan dinyatakan satu sumber rujukan di penghujung pelaporan hadith bagi memudahkan pembaca melanjutkan pencarian jika berkeperluan. Selain itu, penulis turut menyertakan nama-nama kitab rujukan di dalam nota kaki untuk kebanyakan poin dan huraian ke atas hadith-hadith tersebut agar para pembaca dapat

melakukan semakan terhadap huraian fakta dan kesimpulan yang dinyatakan.

Terima kasih dan jazakallah khairan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan catatan kecil ini, terutamanya Sdr. Hannan Sayuti yang telah menyediakan teks-teks hadith serta memeriksa susun atur huruf sebelum buku ini diterbitkan. Mudah-mudahan, tulisan yang ringkas ini dapat menambah kefahaman kita terhadap ibadah puasa serta meningkatkan lagi kualiti pelaksanaannya, insya Allah. Semoga Allah melimpahkan keberkatanNya ke atas usaha ini, serta memberi ganjaran dan kebaikan kepada semua pihak yang terbabit dalam menjayakan tulisan ini, Amin.

Saujana Utama,
13 Jan 2022

1

PENSYARIATAN PUASA RAMADHAN DI DALAM AL-QURAN

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾ أَيَّاماً مَّعْدُودَاتٍ ﴿١٨٤﴾

Allah berfirman:

Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana ia diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu, agar kamu bertakwa. Ia dilaksanakan dalam beberapa hari yang tertentu...

(Surah Al-Baqarah:183- 184)

3

Pengajaran Ayat:

- Puasa merupakan salah satu ibadah yang pernah diwajibkan oleh Allah ke atas umat terdahulu. Ibadah ini kemudiannya dilanjutkan kewajibannya ke atas umat Nabi Muhammad s.a.w dengan tujuan memupuk ketaqwaan di kalangan umat Islam.
- Ibadah berpuasa bukan sekadar menahan diri dari makan, minum dan semua perkara yang membatalkan puasa. Tetapi ia juga melibatkan beberapa disiplin lain yang mengajak seluruh anggota badan manusia turut sama 'berpuasa' dari perkara-perkara yang ditegah. Di sinilah terbitnya objektif ketaqwaan yang dikehendaki oleh Allah dalam ayat 183 surah Al-Baqarah.
- Tempoh puasa yang diwajibkan tidaklah lama. Umat Islam

hanya perlu menunaikannya dalam tempoh 29 atau 30 hari, yang menyamai dengan 1/12 masa dalam setahun

- Ayat ini menjelaskan tentang kewajipan puasa ke atas umat Islam secara umum. Adapun perincian puasa dan jenis-jenisnya, maka ia akan dijelaskan oleh hadith-hadith yang dimuatkan dalam tulisan ini.

2

PUASA WAJIB DAN PUASA SUNAT DALAM SYARIAT ISLAM

عَنْ طَلْحَةَ بْنِ عُبَيْدٍ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَإِذَا هُوَ يَسْأَلُهُ عَنِ الْإِسْلَامِ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: **خَمْسُ صَلَوَاتٍ فِي الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ. فَقَالَ: هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهَا؟ قَالَ: لَا، إِلَّا أَنْ تَطُوعَ.** فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: **وَصِيَامُ رَمَضَانَ.** قَالَ: هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهُ؟ قَالَ: لَا، إِلَّا أَنْ تَطُوعَ.... الخ .

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ

5

Daripada Talhah bin Ubaidillah r.a katanya:

Seorang lelaki datang menemui Rasulullah s.a.w dan bertanya tentang agama Islam. Rasulullah s.a.w berkata: **“(Asas Islam itu ialah) menunaikan lima solat dalam sehari dan semalam.”** Lelaki itu bertanya: **“Adakah ada solat lain yang wajib ke atas saya?”** Nabi menjawab: **“Tiada, melainkan solat sunat.”** Rasulullah s.a.w melanjutkan lagi: **“Berpuasa di bulan Ramadhan.”** Lelaki itu bertanya: **“Adakah ada puasa lain yang wajib ke atas saya?”** Nabi menjawab: **“Tiada, melainkan puasa sunat...”**

Rwayat Bukhari dan Muslim

Pengajaran Hadith:

- Hadith di atas menjelaskan sebahagian dari rukun Islam yang lima. Salah satu darinya ialah berpuasa di bulan Ramadhan.
- Ia wajib dilakukan oleh setiap muslim lelaki dan wanita jika mereka memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan¹.

1 Syarat wajib berpuasa ialah beragama Islam, baligh, berfikiran waras dan berkemampuan untuk berpuasa. Lihat Muhammad Al-Khatib Asy-Syarbini, **Al-Iqna` Fi Halli Alfaz Abi Syuja`**, 1/235

- Objektif utama disyariatkan berpuasa di bulan Ramadhan ialah untuk memupuk dan mengukuhkan ketaqwaan dalam diri setiap muslim yang melaksanakannya.
- Selain dari puasa Ramadhan, terdapat juga puasa-puasa sunat lain yang disyariatkan dalam Islam. Ia merupakan ibadah tambahan yang boleh mendekatkan manusia kepada rahmat Tuhannya.

3

TEGAHAN BERPUASA MENJELANG RAMADHAN

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:
لَا تَقْدَمُوا رَمَضَانَ بِصَوْمِ يَوْمٍ وَلَا يَوْمَيْنِ، إِلَّا رَجُلٌ كَانَ يَصُومُ صَوْمًا، فَلْيَصُمْهُ.
مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ

Daripada Abu Hurairah r.a katanya, sabda Rasulullah s.a.w:
Janganlah kamu mendahului bulan Ramadhan dengan berpuasa sehari atau dua hari, melainkan seseorang yang sudah terbiasa berpuasa, maka ia diharuskan berpuasa.

7

H.R Al-Bukhari dan Muslim

Pengajaran Hadith:

- Hadith ini menegah berpuasa pada 1 atau 2 hari menjelang bulan Ramadhan.
- Puasa yang ditegah ialah:
 1. Puasa sunat biasa bagi orang yang baru memulakannya.
 2. Puasa dengan tujuan berhati-hati, kalau-kalau 1 Ramadhan bermula dalam tempoh tersebut.
- Namun tegahan ini dikecualikan dari orang yang mempunyai rutin puasa sunat, seperti puasa Isnin, Khamis, 3 hari putih (*ayyam al-bidh*), 3 hari dalam sebulan dan seumpamanya, di mana puasa rutinnya berbetulan dengan 1 - 2 hari menjelang tibanya Ramadhan. Justeru, ia boleh meneruskan puasa rutinnya disebabkan kejelasan tujuan

pada rutin dan niat mereka berpuasa.

- Turut dikecualikan dari tegahan, orang yang berpuasa qadha` Ramadhan, puasa nazar dan seumpamanya kerana kejelasan tujuan mereka berpuasa di waktu itu².
- Hikmah tegahan ini ialah:
 1. Agar manusia membezakan di antara puasa selain Ramadhan dengan puasa Ramadhan³.
 2. Untuk mengelakkan manusia menambah hari puasa bulan Ramadhan, khususnya bagi mereka yang berpuasa untuk tujuan berhati-hati⁴.
 3. Mengajar manusia bahawa puasa Ramadhan dimulakan mengikut sistem yang telah ditetapkan seperti melihat anak bulan atau penggenapan jumlah hari, bukan dengan mengagak-agak atas alasan berhati-hati.
 4. Mendidik manusia agar mengamalkan ibadah khusus mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan melalui nas-nas wahyu yang berkaitan.

2 Abdullah bin Soleh Al-Fawzan, **Minhah Al-`Allam Fi Syarh Bulugh Al-Maram**, 5/8

3 Ibid

4 `Atiyyah Salim, **Syarh Bulugh Al-Maram**, pelajaran audio ke-142

4

TEGAHAN BERPUASA SETELAH BERLALUNYA SEPARUH SYAABAN

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
إِذَا انْتَصَفَ شَعْبَانُ، فَلَا تَصُومُوا .

رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ

Daripada Abu Hurairah r.a, bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:
*Apabila sudah tiba separuh bulan Syaaban,
maka janganlah kamu berpuasa.*

H.R Abu Daud

9

Pengajaran Hadith:

- Hadith ini menegah berpuasa sunat setelah berlalunya separuh yang pertama di bulan Syaaban.
- Tegahan ini hanya ditujukan kepada mereka yang baru memulakan puasa sunat pada tarikh 16 Syaaban.
- Ada pun mereka yang sudah terbiasa berpuasa sunat secara rutin, atau perlu melakukan qadha puasa, mereka dibenarkan berbuat demikian berdasarkan keterangan hadith ke-3 sebelum ini.
- Memulakan puasa lebih awal sebelum tibanya Ramadhan dibimbangi akan menyebabkan kejutan psikologi atau keletihan tambahan khususnya buat individu yang tidak mempunyai rutin puasa sunat.

- Hikmah tegahan berpuasa sedemikian ialah untuk memberikan persediaan fizikal dan mental yang cukup kepada manusia sebelum mengharungi puasa sebulan di bulan Ramadhan, terutamanya bagi mereka yang jarang berpuasa sunat⁵.

5 Al-`Azim Abadi, `Awn Al-Ma`bud Syarh Sunan Abu Daud, 6/330

عَنْ عَمَّارِ بْنِ يَاسِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ :

مَنْ صَامَ الْيَوْمَ الَّذِي يُشَكُّ فِيهِ، فَقَدْ عَصَى أَبَا الْقَاسِمِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ .

رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ

Daripada Ammar bin Yasir r.a, dia berkata:

"Sesiapa yang berpuasa pada hari syak, dia sesungguhnya telah menyalahi ajaran Abu Al-Qasim s.a.w."

H.R At-Tirmizi

Pengajaran Hadith:

- Abu Al-Qasim adalah kunyah (gelaran)⁶ kepada Rasulullah s.a.w.
- Syak bermaksud jangkaan ke atas sesuatu yang berlegar di antara 'ada' atau 'tiada' disebabkan wujudnya kesamaran di samping tiada bukti sokongan yang mengukuhkan mana-mana jangkaan⁷.
- Hari syak berlaku apabila waktu senja menjelang hari ke-30 Syaaban mengalami salah satu dari dua situasi berikut:
 1. Cuaca mendung atau hujan yang menghalang pandangan dari melihat anak bulan⁸.

6 Kunyah adalah gelaran yang bermula dengan 'Abu' bagi lelaki dan 'Ummu' bagi wanita.

7 `Atiyyah Salim, **Syarh Bulugh Al-Maram**, pelajaran ke-142

8 Ini mazhab Hanafi. Lihat Wahbah Az-Zuhaili, **Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh**, 3/1631

2. Cuaca cerah namun anak bulan tidak kelihatan di samping timbul spekulasi di kalangan manusia bahawa anak bulan telah kelihatan, tapi tidak diketahui sumbernya. Atau anak bulan telah sabit namun ia telah dilihat oleh pihak-pihak yang tidak memenuhi kelayakan kesaksian mereka seperti golongan fasiq dan seumpamanya⁹.

- Dalam situasi ini, umat Islam ditegah berpuasa pada keesokan hari disebabkan wujudnya keraguan (syak) adakah 1 Ramadhan benar-benar telah bermula atau tidak.
- Justeru, sesiapa yang berpuasa pada hari kesamaran tersebut, maka ia dikira menyalahi ajaran Rasulullah s.a.w.
- Sesuatu ibadah hendaklah dilakukan mengikut ketetapan dan kaedah syarak.
- Hadith berikut menjelaskan, apakah yang perlu kita lakukan jika timbul kesamaran menjelang ketibaan 1 Ramadhan.

9 Ini mazhab Syafi'iy dan Hanbali. Lihat Wahbah Az-Zuhaili, **Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh**, 3/1633 - 1634

6

PENENTUAN PUASA DAN HARI RAYA DENGAN RU'YAH DAN HISAB

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ :
إِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَصُومُوا. وَإِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَافْطِرُوا. فَإِنْ غَمَّ عَلَيْكُمْ فَأَقْدُرُوا لَهُ .
مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ

Daripada Ibn Umar r.a katanya, saya telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda:

Apabila kamu nampak anak bulan (Ramadhan), maka berpuasalah. Apabila kamu nampak anak bulan (Syawal), maka sambutlah hari raya. Jika anak bulan dilindungi awan, maka kadarkanlah perkiraan hari untuknya.

H.R Al-Bukhari dan Muslim

وَلِمُسْلِمٍ: فَإِنْ أُغْمِيَ عَلَيْكُمْ فَأَقْدُرُوا لَهُ ثَلَاثِينَ .

Dalam riwayat Muslim: *Jika anak bulan terlindung, maka genapkan kiraan bulan menjadi 30 hari.*

وَلِلْبُخَارِيِّ: فَأَكْمِلُوا الْعِدَّةَ ثَلَاثِينَ .

Dalam riwayat Al-Bukhari: *Jika anak bulan terlindung, maka genapkan kiraan bulan menjadi 30 hari.*

Pengajaran Hadith:

- Islam adalah agama yang bersistematik serta boleh difahami dengan pancaindera dan logik.
- Hadith ini menjelaskan jalan penyelesaian apabila berlaku hari kesamaran (syak) seperti yang dihuraikan dalam hadith sebelum ini, iaitu:
 1. Dalam situasi anak bulan kelihatan, maka hari berikutnya dikira hari pertama bulan Ramadhan atau hari pertama Syawal.
 2. Jika anak bulan tidak kelihatan, maka hari berikutnya digenapkan menjadi 30 Syaaban atau 30 Ramadhan¹⁰.
- Hadith ini secara tersirat menolak pensabitan 1 Ramadhan atau 1 Syawal melalui mimpi, walaupun ianya datang dari orang soleh atau wali, kerana penentuan permulaan aktiviti ibadah hendaklah dirujuk kepada petunjuk Al-Quran dan Hadith sahaja¹¹.

10 Muhammad Al-Khatib Asy-Syarbini, *Al-Iqna` FI Halli Alfaz Abi Syuja`*, 1/234

11 Lihat Yahya bin Syaraf An-Nawawi, *Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin Al-Hajjaj*, 1/115 dan *Al-Majmu` Syarh Al-Muhazzab*, 6/281

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ :

تَرَأَى النَّاسُ الْهَيْلَالَ، فَأَخْبَرْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنِّي رَأَيْتُهُ، فَصَامَ،
وَأَمَرَ النَّاسَ بِصِيَامِهِ .

رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ

Daripada Ibn Umar r.a katanya:

"Manusia telah mencerap anak bulan. Kemudian aku memberitahu Rasulullah s.a.w bahawa aku telah nampak anak bulan. Baginda lalu berpuasa dan menyuruh orang lain berpuasa.

H.R Abu Daud

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ :

جَاءَ أَعْرَابِيٌّ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِنِّي رَأَيْتُ الْهَيْلَالَ، قَالَ: أَتَشْهَدُ
أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ؟ أَتَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ؟ قَالَ: نَعَمْ، قَالَ: يَا بَلَاءُ، أَذِنَ
فِي النَّاسِ أَنْ يَصُومُوا غَدًا .

رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ

Daripada Ibn Abbas r.a katanya:

"Seorang arab Badawi datang menemui Nabi s.a.w dan berkata: "Sesungguhnya saya telah melihat anak bulan (Ramadhan)." Nabi bertanya lelaki tersebut: "Adakah kamu bersaksi tiada tuhan melainkan Allah? Adakah kamu bersaksi Muhammad itu utusan Allah?" Lelaki itu menjawab: "Ya." Lalu baginda berkata:

“Wahai Bilal, beritahu hal ini kepada semua orang agar mereka berpuasa pada esok hari.”

H.R At-Tirmizi

عَنْ ابْنِ عُمَرَ وَابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَا :
كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يُجِيزُ شَهَادَةً فِي الْإِفْطَارِ إِلَّا شَهَادَةً
رَجُلَيْنِ .

رَوَاهُ الطَّبْرَانِيُّ فِي الْمُعْجَمِ الْأَوْسَطِ

Daripada Ibn Umar dan Ibn Abbas r.a, kata mereka:
Rasulullah s.a.w tidak membenarkan penyaksian permulaan hari raya Aidil Fitri melainkan dengan penyaksian 2 orang lelaki.

H.R At-Tabrani dalam Al-Mu`jam Al-Awsat

Pengajaran Hadith:

16

- Hadith ini mengukuhkan maksud hadith yang ke-6 yang menjelaskan permulaan hari pertama puasa Ramadhan dan 1 Syawal ditetapkan dengan melihat anak bulan.
- Bukan semua orang berkesempatan mencerap anak bulan. Justeru, syarak membenarkan pensabitan tarikh Ramadhan dan Syawal melalui penyaksian beberapa orang manusia yang berkelayakan.
- Jika ada orang mendakwa melihat anak bulan, maka dakwaannya boleh diterima bagi menetapkan tarikh permulaan puasa dan hari raya jika pendakwa tersebut seorang muslim, bersifat *adil*, baligh dan berakal waras di kalangan lelaki atau wanita¹².

12 Lihat Maryam Abd As-Salam Bakr, *Syahadah An-Nisa` Min Manzur Fiqhi*, 1039 dan 1041. Lihat Portal Jabatan Mufti Negeri Selangor, **Pandangan Hukum Syarak: Pengisbatan Anak Bulan Dari Perspektif Syariah dan Astonomi**, <https://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-personalisation/fatwa-tahunan/keputusan-fatwa-xwarta/2016/1141-pandangan-hukum-syarak-pengisbatan-anak-bulan-dari-perspektif-syariah-dan-astronomi>, diakses pada 4 Jan 2022

- Seperti mana periwayatan hadith dan pengkhabaran berkaitan agama¹³ dari kaum wanita diterima, maka penyaksian mereka terhadap anak bulan juga boleh diterima¹⁴ kerana ia termasuk dalam pemakluman info berkaitan agama.
- Majoriti ulama mengharuskan penetapan tarikh Ramadhan dari kesaksian seorang individu yang dipercayai. Manakala penetapan tarikh Syawal pula diterima dengan kesaksian dua orang yang dipercayai.

13 Seperti pemberitahuan tentang arah kiblat, info waktu solat dan sebagainya dari kaum wanita.

14 Maryam Abd As-Salam Bakr, **Syahadah An-Nisa` Min Manzur Fiqhi**, 1037

عَنْ حَفْصَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
مَنْ لَمْ يُبَيِّتِ الصَّيَّامَ قَبْلَ الْفَجْرِ فَلَا صِيَامَ لَهُ.

رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ

Daripada Hafsah, ibu seluruh orang beriman r.a, bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

Sesiapa yang tidak berniat puasa di waktu malam sebelum subuh, maka tiada puasa baginya.

H.R At-Tirmizi

18

Pengajaran Hadith:

- Niat adalah pekerjaan hati, bukan semata-mata lafaz di mulut.
- Pada asasnya, setiap kemahuan di hati yang mengiringi sesuatu perbuatan adalah dikira sebagai niat¹⁵.
- Jika suatu lafaz niat telah disebutkan oleh lidah tapi tiada lintasan kemahuan di hati, maka ia tidak dikira sebagai niat. Malah, dalam situasi ini niat dikira belum wujud¹⁶. Ini boleh menjejaskan ibadah yang mensyaratkan niat secara khusus¹⁷.

15 Mustafa Al-Khin et.al, *Al-Fiqh Al-Manhaji `Ala Mazhab Al-Imam Asy-Syafi`iy*, 2/82

16 Al-Khatib Asy-Syarbini, *Al-Iqna` Fi Halli Alfaz Abi Syuja`*, 1/235

17 Seperti niat wuduk, solat, tayammum dan sebagainya.

- Hadith di atas mengisyaratkan, niat puasa Ramadhan boleh dilakukan lebih awal pada mana-mana bahagian di waktu malam selagi belum masuk waktu subuh.
- Hal ini kerana untuk meniatkan puasa ketika menjelang waktu subuh adalah perkara yang sukar¹⁸. Justeru, syarak mempermudah urusan tersebut kepada manusia.
- Berniat puasa di waktu malam wajib dilakukan pada puasa yang wajib. Adapun niat puasa sunat, terdapat keluasan pada waktu berniat berdasarkan keterangan hadith selepas ini.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ :

دَخَلَ عَلَيَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ، فَقَالَ: هَلْ عِنْدَكُمْ شَيْءٌ؟ قُلْنَا: لَا. قَالَ: فَإِنِّي إِذَا صَائِمٌ. ثُمَّ أَنَا يَوْمًا آخَرَ، فَقُلْنَا: أَهْدِي لَنَا حَيْسٌ، فَقَالَ: أَرَيْنِيهِ، فَلَقَدْ أَصْبَحْتُ صَائِمًا، فَأَكَلَ.

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada Aisyah r.a katanya:

"Nabi s.a.w masuk menemui saya pada suatu hari dan bertanya: **"Adakah kalian ada menyimpan makanan?"** Kami menjawab: **"Tidak ada."** Lalu Nabi berkata: **"Jika begitu saya berpuasa."**

20

Kemudian di hari yang lain Nabi pernah datang kepada kami (bertanyakan hal yang sama). Lalu kami menjawab: "Ada orang memberikan kita hais¹⁹." Nabi berkata: **"Bawanya ke mari. Saya telah memulakan pagi ini dengan berpuasa."** Lalu Nabi memakannya.

H.R Muslim

Pengajaran Hadith:

- Hadith ini mengharuskan niat berpuasa sunat walaupun setelah terbitnya matahari.

19 Iaitu kurma bersama minyak sapi dan aqit iaitu susu kering yang dibekukan. Lihat An-Nawawi, *Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin Al-Hajjaj*, 8/34

- Namun keharusan ini dibenarkan dengan 2 syarat, iaitu:
 1. Si pelaku belum melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa²⁰.
 2. Niat tersebut mesti dilakukan sebelum masuknya waktu zohor.
- Jika salah satu dari syarat ini tidak dipenuhi, maka puasa sunat tidak boleh diteruskan pada hari tersebut²¹.
- Hadith ini juga menunjukkan, orang yang sudah memulakan puasa sunat boleh membatalkannya atas sebab-sebab tertentu²² seperti yang akan disebutkan dalam hadith selepas ini.

20 Seperti makan, minum, berhubungan kelamin dan sebagainya.

21 Durriyah Al-`Aitah, **Fiqh Al-Ibadat `Ala Al-Mazhab Asy-Syafi`iy**, 2/92

22 Yahya bin Syaraf An-Nawawi, **Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin Al-Hajjaj**, 8/34

10

KEHARUSAN MEMBATALKAN PUASA SUNAT

عَنْ أُمِّ هَانِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
الصَّائِمُ الْمُتَطَوِّعُ أَمِيرٌ نَفْسِهِ، إِنْ شَاءَ صَامَ، وَإِنْ شَاءَ أَفْطَرَ.

رَوَاهُ أَحْمَدُ

Daripada Ummu Hani` r.a, bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:
Orang yang berpuasa adalah penentu dirinya sendiri. Jika ia mahu, ia boleh meneruskan puasa. Jika ia mahu, ia boleh berbuka puasa.

H.R Ahmad

22

Pengajaran Hadith:

- Hadith ini menunjukkan orang yang berpuasa sunat boleh membatalkan puasanya, sama ada bersebab atau tidak²³. Malah pelakunya tidak diwajibkan *qadha*²⁴.
- Pun begitu, sebahagian ulama tidak menggalakkan berbuat demikian²⁵ melainkan jika ada keperluan seperti didatangi rasa lapar yang teruk, ditimpa sakit atau seumpamanya.
- Mereka yang sudah memulakan puasa sunat, disunatkan meneruskannya dan makruh membatalkannya tanpa sebab²⁶ kerana mengambil kira tegahan umum dalam ayat 33, surah Muhammad:

23 Abd Ar-Rahman Al-Murakfuri, *Tuhfat Al-Ahwazi*, 3/357

24 Muhammad bin Ali Al-Ithyubi, *Zakhirah Al-Uqba Fi Syarh Al-Mujtaba*, 21/240

25 Abu Abdullah Al-Qurtubi, *Al-Jami` Li Ahkam Al-Quran*, 16/255

26 Muhammad bin Ali Al-Ithyubi, *Zakhirah Al-Uqba Fi Syarh Al-Mujtaba*, 21/240

وَلَا تَبْطُلُوا أَعْمَالَكُمْ

Dan janganlah kamu membatalkan amalan kamu.

وَعَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا؛ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
لَا يَزَالُ النَّاسُ بِخَيْرٍ مَا عَجَّلُوا الْفِطْرَ .

مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ

Daripada Sahl bin Sa`ad r.a, Rasulullah s.a.w bersabda:
*Manusia sentiasa mendapat kebaikan selagi mereka bersegera
berbuka puasa (sejurus masuk waktunya).*

H.R Al-Bukhari dan Muslim

Pengajaran Hadith:

- Maksud segera berbuka puasa ialah makan dan minum sejurus masuknya waktu, sama ada dengan melihat terbenamnya matahari atau mendengar laungan azan yang betul.
- Hadith ini memberi isyarat, orang yang berbuka puasa mengikut waktu yang ditetapkan oleh Allah dan RasulNya, sentiasa mendapat kebaikan dan memiliki minda yang seimbang terhadap agama dan kehidupan.
- Selain dari kebaikan individu, melaksanakan ajaran agama mengikut piawaian asal juga akan mengekalkan identiti agama Islam²⁷ sekaligus mengelakkan agama dari bercampur

27 Berdasarkan hadith:

لَا يَزَالُ الدِّينُ ظَاهِرًا مَا عَجَّلَ النَّاسُ الْفِطْرَ إِنَّ الْيَهُودَ وَالنَّصَارَى يُؤَخَّرُونَ

Agama Islam akan sentiasa kelihatan identitinya selagi manusia berbuka tepat pada waktunya, kerana orang Yahudi dan Kristian melewatkan waktu berbuka puasa

aduk dengan tokok tambah yang boleh menghilangkan identiti asal agama²⁸.

- Melengah-lengahkan berbuka puasa dengan sengaja adalah makruh. Adapun mereka yang belum memiliki makanan ketika azan maghrib dikumandangkan, mereka boleh menunggu sehingga makanan tiba dan ia tidaklah termasuk di kalangan orang yang melakukan perkara yang makruh²⁹.
- Selain dari memelihara identiti Islam, galakan berbuka tepat pada waktunya juga bertujuan mengelak orang Islam menyerupai orang bukan Islam yang sengaja melewatkan waktu berbuka puasa mereka³⁰.

mereka. [H.R Ahmad, No. Hadith: 9810]

28 Sesetengah agama hilang identiti dan ajaran asalnya kerana pengikutnya menokok, mengurang atau melakukan modifikasi ke atas ajaran asalnya. Di dalam Islam, ruang sebegini ditutup dan piawaian pelaksanaan agama hendaklah mengikut ketetapan Allah dan RasulNya sahaja.

29 Ibn Hajar Al-Asqalani, **Fath Al-Bari**, 4/199

30 Muhammad Al-Amin Al-Harari, **Syarah Sunan Ibn Majah**, 10/167

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: تَسَحَّرُوا، فَإِنَّ فِي السَّحُورِ بَرَكََةً.

مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ

Daripada Anas bin Malik r.a katanya, sabda Rasulullah s.a.w:
Bersahurlah, sesungguhnya pada sahur itu ada keberkatan.

H.R Al-Bukhari dan Muslim

Pengajaran Hadith:

- Bersahur bererti menjamah makanan di waktu sahur sebelum masuknya waktu subuh.
- Nabi menjelaskan, amalan sahur memberi keberkatan (kebaikan tambahan) kepada pelakunya. Antara bentuk keberkatan tersebut ialah³¹:
 1. Memberi kekuatan dan tenaga untuk melaksanakan puasa.
 2. Menambah kekerapan makan untuk orang berpuasa. Ini kerana ketika berpuasa, rata-rata umat Islam hanya makan ketika berbuka puasa dan selepas tarawih. Justeru makan di waktu sahur dapat menambah lagi kekerapan makan sekaligus membekalkan tenaga.
 3. Memberi peluang beribadah di waktu yang penuh dengan fadhilat. Ini kerana waktu sahur adalah waktu mustajab doa, waktu turunnya malaikat dan turunnya rahmat. Justeru orang yang bangun bersahur, mempunyai peluang mendapatkan kelebihan-kelebihan tersebut.

31 Al-Qadhi 'Iyadh, *Ikmal Al-Mua'llim Bi Fawaid Muslim*, 4/32

عَنْ سَلْمَانَ بْنِ عَامِرٍ الضَّبِّيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
إِذَا أَفْطَرَ أَحَدُكُمْ فَلْيَفْطِرْ عَلَى تَمْرٍ، فَإِنْ لَمْ يَجِدْ فَلْيَفْطِرْ عَلَى مَاءٍ، فَإِنَّهُ طَهُورٌ.
رَوَاهُ أَحْمَدُ

Daripada Salman bin `Amir Ad-Dhabbi r.a, sabda Rasulullah s.a.w:

Apabila kamu berbuka puasa, maka berbukalah dengan kurma. Jika tiada, maka berbukalah dengan air, kerana ia adalah bersih lagi membersihkan.

H.R Ahmad

Pengajaran Hadith:

- Hadith ini menggalakkan umat Islam berbuka puasa dengan buah kurma. Ia adalah menu yang ringan dan mudah dijamah, namun kaya dengan sumber nutrisi seimbang yang diperlukan oleh tubuh badan setelah seharian berpuasa.
- Jika tiada kurma dan makanan lain, berbuka dengan air kosong adalah pilihan yang masih ideal kerana air dapat menggantikan cairan yang hilang dalam badan setelah seharian berpuasa di samping ia boleh memberikan kesegaran.
- Menjamah kurma dan air ketika berbuka puasa boleh membantu seseorang untuk melaksanakan ibadah sunat dalam tempoh yang lama pada malam-malam Ramadhan.

- Ia juga boleh mengelakkan makan berlebihan ketika berbuka puasa atau pembaziran, sekaligus melatih diri mengawal nafsu dan kemahuan.

عَنْ مُعَاذِ بْنِ زُهْرَةَ قَالَ، كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَفْطَرَ قَالَ :
اَللّٰهُمَّ لَكَ صُمْتُ، وَعَلَىٰ رِزْقِكَ أَفْطَرْتُ .

رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ

Daripada Muaz bin Zuhrah³² katanya, Nabi s.a.w apabila selesai berbuka puasa, baginda akan berkata:
Ya Allah, keranaMu aku telah berpuasa dan dengan rezekiMu aku telah berbuka puasa.

H.R Abu Daud

29

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ، كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا
أَفْطَرَ قَالَ :
ذَهَبَ الظَّمَأُ، وَابْتَلَّتِ الْعُرُوقُ، وَثَبَتَ الْأَجْرُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ

رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ

Daripada Ibn Umar r.a katanya, Rasulullah s.a.w apabila selesai berbuka puasa akan berkata:
Telah hilang dahaga dan telah segar urat-urat. Semoga ganjaran pahala menjadi tetap, insya Allah.

H.R Abu Daud

Pengajaran Hadith:

- Ketika berbuka puasa, kita disunatkan mengamalkan beberapa doa sebagai tanda ingat dan bersyukur kepada

32 Beliau merupakan seorang Tabi'in.

Allah. Ia boleh diamalkan ketika puasa wajib dan puasa sunat³³.

- Doa-doa tersebut sunat dilafazkan setelah berbuka puasa³⁴.
- Doa dalam hadith pertama adalah perakuan betapa ibadah puasa hendaklah dilakukan kerana Allah dan makanan yang dinikmati adalah pemberian dariNya.
- Hadith kedua pula menggambarkan rasa lega setelah hilangnya rasa dahaga dan keletihan berpuasa serta pengharapan semoga Allah memberi ganjaran dari ibadah yang dilakukan.

33 Lihat Zain Ad-Din Al-Munawi, *At-Taisir Bi Syarh Al-Jami' As-Saghir*, 2/240

34 Lihat Khalil As-Saharanfuri, *Baz Al-Majhud Fi Halli Sunan Abi Daud*, 8/499.
Wahbah Az-Zuhaili, *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*, 3/1685 – 1686.

عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدٍ الْجُهَنِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
مَنْ فَطَّرَ صَائِمًا، كُتِبَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ الصَّائِمِ، لَا يَنْقُصُ مِنْ أَجْرِ الصَّائِمِ شَيْءٌ .
رَوَاهُ أَحْمَدُ

Daripada Zaid bin Khalid Al-Juhani, dari Nabi s.a.w sabdanya:
*Sesiapa yang menjamu juadah berbuka kepada orang berpuasa,
ditetapkan untuknya seumpama ganjaran orang yang berpuasa
tersebut tanpa mengurangkan sedikit pun pahala orang yang berpuasa.*

H.R Ahmad

Pengajaran Hadith:

- Hadith ini menggalakkan manusia menjamu makan kepada orang yang berbuka puasa, sama ada ia melibatkan puasa wajib atau puasa sunat.
- Orang yang melakukan demikian mendapat pahala seumpama pahala orang berpuasa tersebut kerana ia memuliakan ibadah puasa serta membantu orang lain menyempurnakan ketaatan mereka kepada Allah s.w.t.³⁵.
- Ini bererti, jika seseorang itu menjamu 3 orang berpuasa ketika berbuka, ia boleh mendapat pahala yang menyamai pahala 3 orang berpuasa.

- Menjamu orang berbuka puasa boleh berlaku, sama dengan memasak untuknya, membelikan juadah di kedai atau memberikan makanan kepadanya.
- Hadith ini tidak menyatakan jenis menu atau kuantiti makanan yang patut dijamu kepada orang berpuasa. Justeru, fadhilat amalan tersebut merangkumi apa sahaja makanan yang dijamu sama ada ianya berbentuk sebiji kurma, segelas air atau sebuah hidangan makanan³⁶.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ :

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْبَلُ وَهُوَ صَائِمٌ، وَيُبَاشِرُ وَهُوَ صَائِمٌ وَلَكِنَّهُ أَمْلَكُكُمْ لِإِرْبِهِ .

مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ

Daripada Aisyah r.a katanya:

"Rasulullah s.a.w pernah mencium isterinya ketika ia berpuasa. Nabi juga pernah mengusap mesra isterinya ketika berpuasa, namun baginda adalah orang yang mampu mengawal nafsunya.

H.R Al-Bukhari dan Muslim

Pengajaran Hadith:

- Hadith ini memberi isyarat, melakukan aktiviti intim dan bermesra di antara suami dan isteri ketika berpuasa adalah diharuskan selagi ia tidak menyebabkan puasa terbatal.
- Namun, jika suami atau isteri mengetahui, aktiviti intim tersebut boleh membatalkan puasa seperti ia mendorong keluarnya sperma atau menyebabkan berlakunya hubungan kelamin, maka si suami diharamkan melakukan aktiviti tersebut demi memelihara ibadah puasa yang sedang dilaksanakan³⁷.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
مَنْ أَفْطَرَ يَوْمًا مِنْ رَمَضَانَ مِنْ غَيْرِ رُخْصَةٍ وَلَا مَرَضٍ، لَمْ يَقْضِ عَنْهُ صَوْمُ الدَّهْرِ
كُلِّهِ وَإِنْ صَامَهُ .

رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ

Daripada Abu Hurairah r.a katanya, sabda Rasulullah s.a.w:
*Sesiapa yang berbuka puasa satu hari di bulan Ramadhan
bukan disebabkan rukhsah atau sakit, maka puasa sepanjang
tahun masih tidak dapat menggantikan hari tersebut walaupun
ia berpuasa (dengan sebaik mungkin)*³⁸.

34

H.R At-Tirmizi

Pengajaran Hadith:

- Hadith ini memberi amaran keras terhadap perbuatan sengaja tidak berpuasa di siang Ramadhan tanpa apa-apa keuzuran.
- Walaupun pelakunya diwajibkan qadha, namun ia tetap tidak akan menyamai kesempurnaan dan nilai ketaatan puasa di bulan Ramadhan, sekalipun ia berpuasa selama setahun bagi menggantikan 1 hari puasa Ramadhan yang ditinggalkan tanpa keuzuran³⁹.

38 Lihat Abu Al-Hasan Al-Mubarakfuri, *Mir`at Al-Mafatih Syarh Misykat Al-Masabih*, 6/

39 `Izz Ad-Din As-San`ani Al-Amir, *At-Tanwir Syarh Al-Jami` As-Saghir*, 10/128

- Setiap kefarduan yang ditetapkan pada waktu tertentu, wajib ditunaikan pada tempoh yang telah ditetapkan. Mereka yang sengaja melewatkannya dari waktu yang ditetapkan adalah berdosa di sisi Allah kerana sengaja meninggalkan kewajipan yang telah diarahkan oleh Tuhannya.
- Selain dari melakukan qadha, pelakunya perlu segera bertaubat kepada Allah s.w.t dan tidak mengulangnya lagi.
- Adapun berbuka puasa disebabkan oleh rukhsah seperti musafir atau kerana penyakit yang mengharuskan berbuka, maka ia dibenarkan oleh syarak seperti yang dijelaskan oleh ayat 184 surah Al-Baqarah.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
مَنْ نَسِيَ وَهُوَ صَائِمٌ، فَأَكَلَ أَوْ شَرِبَ، فَلْيَتِمَّ صَوْمَهُ، فَإِنَّمَا أَطْعَمَهُ اللَّهُ وَسَقَاهُ .

مُتَّقَى عَلَيْهِ

Daripada Abu Hurairah r.a katanya, sabda Rasulullah s.a.w:
Sesiapa yang terlupa ketika berpuasa, lalu ia makan atau minum, maka ia hendaklah menyempurnakan puasanya. Sesungguhnya Allah telah memberi ia makan dan minum.

H.R Al-Bukhari dan Muslim

36

وَالْحَاكِمُ: مَنْ أَفْطَرَ فِي رَمَضَانَ نَاسِيًا، فَلَا قِضَاءَ عَلَيْهِ وَلَا كَفَّارَةَ .

Dalam riwayat Al-Hakim: *Sesiapa yang berbuka puasa di bulan Ramadhan dalam keadaan terlupa, maka ia tidak perlu melakukan qadha` atau membayar kaffarah.*

Pengajaran Hadith:

- Hadith ini menjelaskan rukhsah dan toleransi Islam terhadap mereka yang terlupa dan melanggar disiplin ibadah puasa secara tidak sengaja.
- Orang yang berpuasa tetapi makan atau minum dalam keadaan lupa, maka puasanya tidak terbatal.
- Orang sedemikian hendaklah segera berhenti makan atau minum serta meluahkan saki baki makanan di dalam

mulutnya ketika ia teringat kembali puasanya. Kemudian ia hendaklah menyambung kembali puasanya hingga tiba waktu berbuka.

- Makanan atau minuman yang dijamah secara tidak sengaja ketika berpuasa dikira rezeki pemberian Allah.

عَنْ بَعْضِ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالُوا:
أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رُئِيَ بِالْعَرَجِ وَهُوَ يَصُبُّ عَلَى رَأْسِهِ الْمَاءَ وَهُوَ صَائِمٌ
مِنَ الْحَرِّ أَوْ الْعَطَشِ.
رَوَاهُ أَحْمَدُ

Dari beberapa orang sahabat Nabi s.a.w, kata mereka:
Sesungguhnya Nabi s.a.w pernah dilihat di Al-`Arj⁴⁰ sedang menuangkan air ke atas kepalanya ketika sedang berpuasa disebabkan cuaca yang panas atau kehausan.

H.R Ahmad

Pengajaran Hadith:

- Islam meraikan manusia yang menghadapi cabaran tertentu ketika berpuasa dengan cara yang munasabah.
- Hadith ini mengharuskan orang yang berpuasa untuk membasahkan kepala dengan tujuan meningkatkan kesegaran, mengurangkan kelesuan atau menyejukkan badan⁴¹.
- Selain itu, orang yang berpuasa juga dibenarkan untuk berendam di dalam air jika keadaan memerlukan⁴².

40 Nama sebuah tempat di antara Mekah dan Madinah. Lihat Ibn Al-Malak, **Syarh Masabih As-Sunnah**, 2/526

41 Abd Al-Muhsin Al-Badr, **Syarh Sunan Abi Daud**, Pelajaran ke-273.

42 Ibn Al-Malak, **Syarh Masabih As-Sunnah**, 2/526.

- Diriwayatkan bahawa Anas bin Malik pernah berendam di dalam bekas air miliknya ketika sedang berpuasa. Selain itu, Ibn Umar pernah membasahkan bajunya lalu memakai baju tersebut ketika sedang berpuasa⁴³.
- Perkara-perkara tersebut diharuskan kerana ia secara asasnya tidak termasuk dalam perkara yang membatalkan puasa.

43 Ibn Ruslan, **Syarh Sunan Abi Daud**, 10/385 – 386

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
مَنْ لَمْ يَدَعْ قَوْلَ الزُّورِ وَالْعَمَلَ بِهِ، وَالْجَهْلَ، فَلَيْسَ لِلَّهِ حَاجَةٌ فِي أَنْ يَدَعَ طَعَامَهُ
وَشَرَابَهُ .

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ

Daripada Abu Hurairah r.a katanya, sabda Rasulullah s.a.w:
*Sesiapa yang tidak meninggalkan kata-kata dusta, kelakuan
berasaskan penipuan dan sikap kejahilan, maka Allah tidak
lagi memandang perbuatan ia meninggalkan makanan dan*

40

H.R Al-Bukhari

Pengajaran Hadith:

- Hadith ini menunjukkan, berpuasa bukan sekadar menahan lapar dan dahaga, tetapi ia juga melibatkan aktiviti menahan anggota badan lain dari perbuatan buruk dan maksiat.
- Jika makan dengan sengaja menyebabkan batal puasa, maka melakukan maksiat mata, telinga, lidah dan anggota badan lain boleh menyusutkan ganjaran pahala, mendatangkan kemurkaan Tuhan dan boleh menyebabkan amalan puasa tidak diterima⁴⁴.
- Motif taqwa di sebalik berpuasa bergantung kepada sejauh mana seseorang dapat meninggalkan keburukan dan

44 Ibn Battal, Syarh Sahih Al-Bukhari, 4/23

maksiat. Semakin berdisiplin seseorang ketika berpuasa, semakin tinggi ketaqwaan yang dapat dipupuk. Semakin rendah disiplin seseorang ketika berpuasa, semakin sukar untuk ia membentuk ketaqwaan yang didambakan.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
رُبَّ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إِلَّا الْجُوعُ .

رَوَاهُ ابْنُ مَاجَهَ

Daripada Abu Hurairah r.a katanya, sabda Rasulullah s.a.w:
Ramai⁴⁵ orang yang berpuasa tidak mendapat apa-apa dari puasanya melainkan kelaparan.

H.R Ibn Majah

Pengajaran Hadith:

42

- Sesuatu amalan akan diterima dan diberi ganjaran di sisi Allah jika ia dilakukan dengan motif yang ikhlas dan cara pelaksanaan yang betul.
- Sekalipun ibadah puasa mempunyai cabaran tertentu dalam tempoh yang lama, namun ia masih mampu diamalkan oleh kebanyakan manusia.
- Pun begitu Nabi memberitahu, ramai pelaku puasa yang hanya mendapat keletihan menahan lapar dan dahaga disebabkan pelanggaran disiplin ketika berpuasa.
- Antara punca amalan puasa tidak menghasilkan pahala di sisi Allah ialah kerana⁴⁶:

45 Lihat Muhammad Al-Amin Al-Ithyubi, *Mursyid Zawi Al-Hija Wa Al-Hajah Ila Sunan Ibn Majah*, 10/147

46 Lihat Muhammad bin Ismail Al-Amir, *At-Tanwir Syarh Al-Jami` As-Saghir*, 6/224. Zain Ad-din Al-Munawi, *Faidh Al-Qadir Syarh Al-Jami` As-Saghir*, 4/16.

1. Dilakukan tanpa ikhlas kerana Allah.
 2. Berakhlak buruk sewaktu berpuasa seperti mengumpat, berdusta, membuat tuduhan palsu dan seumpamanya.
 3. Melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh syarak ketika berpuasa.
 4. Berbuka puasa dengan sumber rezeki yang haram.
- Dari aspek tidak makan dan tidak minum, seseorang itu dikira berpuasa pada zahirnya. Namun pelakunya tidak mendapat ganjaran yang telah dijanjikan di sisi Allah⁴⁷.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
الصَّوْمُ جُنَّةٌ، فَإِذَا كَانَ أَحَدُكُمْ يَوْمًا صَائِمًا، فَلَا يَرْفُثُ وَلَا يَجْهَلُ، فَإِنْ أَمُرُّ
شَاتَمَهُ أَوْ قَاتَلَهُ، فَلْيَقُلْ: إِنِّي صَائِمٌ.

رَوَاهُ أَحْمَدُ

Daripada Abu Hurairah r.a katanya, sabda Rasulullah s.a.w:
Puasa adalah perisai. Jika salah seorang kamu sedang berpuasa pada suatu hari, ia tidak boleh berkata buruk dan melakukan perbuatan jahil. Jika ada orang lain yang memaki atau mengajaknya berkelahi, ia hendaklah berkata: "Sesungguhnya saya sedang berpuasa."

44

H.R Ahmad

Pengajaran Hadith:

- Hadith ini menjelaskan, ibadah puasa boleh berfungsi sebagai perisai diri dari melakukan keburukan, sekaligus menjadi perisai diri dari dosa dan azab neraka⁴⁸ – dengan syarat pelakunya benar-benar beriltizam dengan adab-adab berpuasa.
- Ibadah puasa menjadi perisai apabila seseorang itu berusaha mengelak diri dari berkata buruk dan melakukan perbuatan yang berunsur kejahatan sewaktu berpuasa.

48 Abu Sulaiman Al-Khattabi, *A'lam Al-Hadith*, 2/939. Ibn Rajab Al-Hanbali, *Jami' Al-Ulum Wa Al-Hikam*, 2/138

- Pengakuan 'saya sedang berpuasa' di dalam hadits boleh diamalkan dalam 2 situasi berikut⁴⁹:
 1. Memberitahu pihak yang cuba melakukan tindakan provokasi agar ia menghentikan tindakan buruknya.
 2. Mengingatkan diri sendiri secara monolog sebagai usaha mengelakkan diri dari melakukan perbuatan buruk.
- Apabila orang yang berpuasa dapat melatih diri sedemikian di sepanjang bulan Ramadhan, insya Allah ia dapat meningkatkan kematangan diri dalam mengawal emosi dalam kehidupan.

عَنْ أَبِي عُبَيْدَةَ بْنِ الْجَرَّاحِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، سَمِعْتُ .رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : الصِّيَامُ جُنَّةٌ مَا لَمْ يَحْرِقْهَا .

رَوَاهُ الدَّارِمِيُّ

Daripada Abu Ubaidah bin Al-Jarrah r.a katanya, aku telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda:

Puasa adalah perisai selagi ia tidak dipecahkan.

H.R Ad-Darimi

46

Pengajaran Hadith:

- Walaupun amalan puasa berupaya menjadi benteng manusia dari penguasaan nafsu dan seksaan azab neraka, namun keberkesanan fungsinya hanya berlaku selagi pelakunya memelihara 'benteng' tersebut dari dirobek atau dipecahkan.
- Benteng puasa boleh 'retak' dan 'pecah' dengan perbuatan buruk ketika berpuasa seperti kata-kata cacian, umpatan, perkataan dusta, perbuatan maksiat dan seumpamanya⁵⁰.
- Jika seorang mukmin berjaya menjadikan puasanya sebagai benteng dari maksiat dan dosa, di akhirat kelak amalan puasanya akan menbentenginya dari azab neraka.

50 Lihat Ibn Rajab Al-Hanbali, *Jami` Al-Ulum Wa Al-Hikam*, 2/138 - 139

- Jika ia gagal menjadikan puasanya sebagai benteng dari dosa, maka di akhirat kelak ia tidak memiliki sebarang penahan yang membentenginya dari seksaan neraka⁵¹.

51 Ibn Rajab Al-Hanbali, Jami` Al-Ulum Wa Al-Hikam, 2/139

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ

Daripada Abu Hurairah r.a, bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:
Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadhan dengan keimanan dan mengharapakan ganjaran Tuhan, diampunkan untuknya dosa-dosanya yang telah lalu.

H.R Al-Bukhari dan Muslim

48

Pengajaran Hadith:

- Hadith ini menjelaskan di antara amalan yang dapat menghapuskan dosa-dosa manusia yang telah lalu adalah berpuasa di bulan Ramadhan.
- Syarat untuk mendapatkan kelebihan tersebut ialah:
 1. Meyakini kewajipan dan kelebihan berpuasa di sisi Allah.
 2. Mengharapakan redha dan balasan dari Allah, bukan kerana menunjuk-nunjuk, mengharapakan pujian atau apa-apa kelebihan dari manusia⁵².
 3. Tidak bersungut atau merungut ketika menjalani kewajipan berpuasa⁵³.

52 Ibn Al-Mulaqqin, *At-Tawdhih Li Syarh Al-Jami` As-Sahih*, 3/61

53 Ibn Al-Mulaqqin, *At-Tawdhih Li Syarh Al-Jami` As-Sahih*, 13/72

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
ثَلَاثَةٌ لَا تَرُدُّ دَعْوَتُهُمْ: الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَالصَّائِمُ حَتَّى يُفْطِرَ، وَدَعْوَةُ الْمَظْلُومِ...
الخ .

رَوَاهُ أَحْمَدُ

Daripada Abu Hurairah r.a katanya, sabda Rasulullah s.a.w:
Ada 3 golongan yang tidak ditolak doa mereka, iaitu pemimpin yang adil, orang yang berpuasa hingga ia berbuka puasa dan doa orang yang dizalimi...

H.R Ahmad

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
إِنَّ لِلصَّائِمِ عِنْدَ فِطْرِهِ لَدَعْوَةً مَا تَرُدُّ.
وَكَانَ عَبْدُ اللَّهِ يَقُولُ عِنْدَ فِطْرِهِ: اَللّٰهُمَّ اِنِّیْ اَسْأَلُكَ - بِرَحْمَتِكَ الَّتِیْ وَسِعَتْ كُلَّ شَیْءٍ - اَنْ تَغْفِرَ لِی .

رَوَاهُ ابْنُ مَاجَهَ

Daripada Abdullah bin `Amr bin Al-`As r.a katanya,
Rasulullah s.a,w bersabda:
Sesungguhnya bagi orang puasa itu ada peluang doa yang tidak ditolak ketika ia berbuka puasa.
Abdullah bin `Amr ketika berbuka puasa sering membaca: "Ya Allah,

sesungguhnya aku memohon kepadaMu – dengan rahmatMu yang meliputi segala sesuatu – agar Engkau mengampuni aku.

H.R Ibn Majah

Pengajaran Hadith:

- Hadith ini menggambarkan keistimewaan amalan berpuasa dan kedudukan pelakunya di sisi Allah s.w.t.
- Di antara kelebihan orang yang berpuasa ialah Allah memudahkan pengkabulan doa untuk mereka. Keistimewaan tersebut berlaku di sepanjang waktu berpuasa dan ketika hendak berbuka puasa, sama ada ia melibatkan puasa wajib atau puasa sunat.
- Allah memberikan pengkabulan doa kepada orang yang berpuasa kerana jiwa mereka menjadi bersih disebabkan mereka berjaya mengekang hawa nafsu dan meningkatkan pelbagai ibadah ketika berpuasa. Justeru, apabila jiwa mereka hampir dengan rahmat Allah, doa mereka mudah dikabulkan oleh Allah s.w.t.⁵⁴
- Ini bererti, puasa yang tidak meraikan adab dan masih mengutamakan kemahuan nafsu, berkemungkinan tidak mendapat kelebihan pengkabulan doa seperti yang telah dijanjikan.
- Kita boleh berdoa meminta apa sahaja dari Allah ketika sedang berpuasa dan berbuka puasa. Sahabat Nabi, Abdullah bin `Amr bin Al-As r.a telah menunjukkan contoh dan cara mengamalkan doa ketika berbuka puasa di dalam hadith yang kedua topik ini.

50

54 Zain Ad-Din Al-Munawi, *At-Taisir Bi Syarh Al-Jami` As-Saghir*, 1/337, Faidh Al-Qadir Syarh Al-Jami` As-Saghir, 2/500

عَنْ أُمِّ عُمَارَةَ بِنْتِ كَعْبٍ الْأَنْصَارِيَّةِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا :
أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ عَلَيْهَا فَقَدَّمَتْ إِلَيْهِ طَعَامًا، فَقَالَ: كُلِّي.
فَقَالَتْ: إِنِّي صَائِمَةٌ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ الصَّائِمَ تُصَلِّي
عَلَيْهِ الْمَلَائِكَةُ إِذَا أَكَلَ عِنْدَهُ حَتَّى يَفْرُغُوا .

رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ

51

Daripada Ummu `Umarah binti Ka`ab Al-Ansariah r.a katanya:
Nabi s.a.w telah datang menziarahi beliau dan beliau menjamu
makanan kepada Nabi. Nabi berkata kepadanya: **"Marilah makan!"**.
Namun dia menjawab: **"Sesungguhnya saya sedang berpuasa."** Lalu
Rasulullah s.a.w bersabda: **"Sesungguhnya orang yang berpuasa
akan didoakan oleh malaikat ketika ada orang lain makan di
sisinya sehingga mereka selesai makan."**

H.R At-Tirmizi

Pengajaran Hadith:

- Hadith ini menjelaskan kelebihan orang berpuasa yang bersabar menghadapi orang lain yang sedang makan di hadapannya di siang hari.
- Hal ini boleh berlaku ketika ibu atau bapa menyuapkan makanan kepada anaknya ketika berpuasa, ketika tuan rumah (yang berpuasa) menjamu tetamunya, ketika seseorang berpuasa sunat di saat orang lain sedang makan tengahari, ketika seorang suami yang berpuasa Ramadhan

di saat isterinya sedang makan di dapur kerana keuzuran haid atau seumpamanya.

- Dalam situasi tersebut, orang yang sedang berpuasa menghadapi cabaran tambahan. Ketika perut sedang lapar dan tekak sedang dahaga, kemahuannya didorong begitu kuat untuk berbuka apabila melihat orang lain sedang menikmati makanan dan minuman.
- Disebabkan cabaran tambahan ini, para malaikat mendoakan pengampunan dan kebaikan kepada orang yang sedang berpuasa tersebut⁵⁵ kerana ia mampu bersabar menahan diri dari berbuka sebelum tiba waktunya.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:
مَنْ ذَرَعَهُ الْقَيْءُ فَلَا قِضَاءَ عَلَيْهِ، وَمَنْ اسْتَقَاءَ فَعَلَيْهِ الْقِضَاءُ.

رَوَاهُ ابْنُ مَاجَهَ

Daripada Abu Hurairah r.a katanya, sabda Rasulullah s.a.w:
Sesiapa yang termuntah, ia tidak perlu mengqadha puasa. Dan sesiapa yang sengaja memuntahkan diri, ia perlu melakukan mengqadha puasanya.

53

H.R Ibn Majah

Pengajaran Hadith:

- Muntah bererti keluarnya sesuatu dari perut manusia melalui mulut.
- Muntah selalunya berlaku disebabkan rasa tidak selesa pada perut, mual atau ia disebabkan oleh gangguan kesihatan hingga perut meluahkan kembali segala isinya secara paksa. Muntah yang berlaku sebegini, tidaklah membatalkan puasa
- Sebaliknya, orang yang sengaja melakukan perkara-perkara yang boleh menyebabkan ia muntah seperti menjolok kerongkongnya, maka puasanya terbatal dan ia perlu melakukan qadha di hari yang lain⁵⁶.

- Namun, hukum ini tidak merangkumi perbuatan membuang lendir kahak (mukus) ketika meludah. Sekalipun terdapat unsur sengaja mengeluarkan kahak dari paru-paru, namun ia tidak membatalkan puasa kerana ia diperlukan bagi tujuan melancarkan saluran pernafasan dan percakapan⁵⁷.

57 Al-Khatib Asy-Syarbini, **Mughni Al-Muhtaj**, 2/155. Kahak selalunya dikaitkan dengan simptom penyakit tertentu seperti batuk, asma, selesema dan seumpamanya. Kahak perlu dibuang bagi tujuan keselesaan pernafasan, membuang sel-sel mati dan bendasing yang hinggap pada paru-paru yang terkandung dalam cairan kahak. Lihat Portal CeriaSihat.com, <https://www.ceriasihat.com/apakah-itu-kahak-dan-bagaimana-untuk-tanganinya/>. Diakses pada 27 Dis 2021

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا :

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَ عَامَ الْفَتْحِ إِلَى مَكَّةَ فِي رَمَضَانَ. فَصَامَ حَتَّى بَلَغَ كُرَاعَ الْعَمِيمِ، فَصَامَ النَّاسُ. ثُمَّ دَعَا بِقَدَحٍ مِنْ مَاءٍ فَرَفَعَهُ، حَتَّى نَظَرَ النَّاسُ إِلَيْهِ، ثُمَّ شَرِبَ. فَقِيلَ لَهُ بَعْدَ ذَلِكَ: إِنَّ بَعْضَ النَّاسِ قَدْ صَامَ. قَالَ :
أُولَئِكَ الْعَصَاةُ، أُولَئِكَ الْعَصَاةُ .

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

55

Daripada Jabir bin Abdullah r.a katanya:

"Bahawa Rasulullah s.a.w telah keluar menuju ke Kota Mekah pada tahun Pembukaan Mekah di bulan Ramadhan. Nabi telah berpuasa hingga tiba di Kura` Al-Ghamim⁵⁸. Ketika itu orang lain masih berpuasa. Kemudian Nabi meminta sebekas air, lalu Nabi mengangkat bekas tersebut hingga orang ramai melihatnya dan meminumnya (berbuka puasa).

Setelah itu Nabi dikhabarkan, bahawa ada segelintir manusia yang masih berpuasa. Nabi s.a.w berkata: "Mereka itu adalah orang yang ingkar. Mereka itu adalah orang yang ingkar."

H.R Muslim

وَفِي لَفْظٍ، فَقِيلَ لَهُ: إِنَّ النَّاسَ قَدْ شَقَّ عَلَيْهِمُ الصِّيَامُ، وَإِنَّمَا يَنْظُرُونَ فِيمَا فَعَلْتَ، فَدَعَا بِقَدَحٍ مِنْ مَاءٍ بَعْدَ الْعَصْرِ، فَشَرِبَ .

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

⁵⁸ Kura` Al-Ghamim adalah sebuah tempat yang berada pada jarak 65 KM dari di arah Barat Laut Mekah.

Dalam satu riwayat lain, Nabi dikhabarkan:
"Sesungguhnya manusia menghadapi kesukaran untuk berpuasa. Dan mereka sedang menanti tindakan tuan." Lalu Nabi meminta sebekas air setelah solat asar dan meminumnya.

H.R Muslim

Pengajaran Hadith:

- Hadith di atas menjelaskan situasi Nabi bersama 10,000 orang Sahabat dalam perjalanan dari Madinah ke Mekah untuk menghukum orang musyrik Mekah kerana mengkhianati Perjanjian Hudaibiyah. Ia berlaku di bulan Ramadhan. Disebabkan terdapat kemungkinan peperangan meletus, Nabi s.a.w memerintahkan para Sahabatnya mengamalkan *rukhsah* berbuka puasa bagi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi sebarang kemungkinan.
- Rukhsah syarak adalah sedekah dan anugerah dari Allah kepada hamba-hambaNya dengan tujuan untuk meringankan beban atau mengelakkan kesukaran ketika beribadah.
- Rukhsah sangat elok diamalkan terutamanya ketika wujud keperluan dan sebab-sebab yang mendesak. Mereka yang masih menolak rukhsah dalam situasi yang kritikal telah dipanggil oleh Nabi sebagai *al-`usat* iaitu orang yang ingkar kerana mereka meninggalkan ketetapan Allah dan sunnah RasulNya dalam situasi yang sangat memerlukan⁵⁹.
- Kerap menolak rukhsah dalam situasi yang sukar dan mendesak boleh menimbulkan bibit-bibit ekstrim dan melampau dalam beragama⁶⁰.

56

59 Lihat Majallah Majma` Al-Fiqh Al-Islami, 8/339

60 Majallah Majma` Al-Fiqh Al-Islami, 8/339

- Allah menyukai hambaNya mengamalkan rukhsahNya dalam beragama seperti mana Dia menyukai mereka melaksanakan *`azimahNya*⁶¹ dalam beragama⁶².

61 *`Azimah* bermaksud sesuatu yang menjadi lazim ke atas manusia dengan sebab ia telah diwajibkan oleh Allah, seperti solat 5 waktu, berpuasa Ramadhan dan seumpamanya. Lihat Jamal Ad-Din Al-Isnawi, **Nihayah As-Sul Fi Minhaj Al-Wusul**, 35

62 Lihat hadith ke-154 dalam **Mu`jam Abu Ya`la Al-Musili**.

SITUASI YANG MEMBERI PILIHAN DI ANTARA `AZIMAH DAN RUKHSAH

وَعَنْ حَمْرَةَ بْنِ عَمْرِو الْأَسْلَمِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّهُ قَالَ:
يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي أَجِدُ فِي قُوَّةٍ عَلَى الصَّيَامِ فِي السَّفَرِ. فَهَلْ عَلَيَّ جُنَاحٌ؟ فَقَالَ
رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: هِيَ رُخْصَةٌ مِنَ اللَّهِ، فَمَنْ أَخَذَ بِهَا فَحَسَنٌ. وَمَنْ أَحَبَّ أَنْ
يَصُومَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ.

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada Hamzah bin Umar Al-Aslami r.a, ia berkata:

"Wahai Rasulullah, sesungguhnya saya mampu berpuasa ketika musafir. Adakah saya dikira bersalah (kerana meneruskan puasa)? Rasulullah s.a.w menjawab: "Itu adalah rukhsah dari Allah. Sesiapa yang mengambilnya, ia adalah perkara yang elok. Sesiapa yang mahu berpuasa, ia tidaklah melakukan kesalahan."

H.R Muslim.

Pengajaran Hadith:

- Hadith ini menunjukkan orang yang musafir boleh meneruskan puasa wajibnya jika ia tidak berada dalam situasi yang mendesak serta mempunyai keupayaan untuk berpuasa.
- Malah, ayat 184 surah Al-Baqarah menggalakkan orang yang bermusafir meneruskan puasanya jika ia tidak mengalami kesukaran.

- Ini berbeza dengan situasi dalam hadith yang ke-28, di mana Rasulullah s.a.w menggesa para Sahabatnya berbuka puasa ketika perjalanan dari Madinah ke Mekah dengan tujuan melengkapkan persediaan yang rapi untuk menghadapi kemungkinan berlakunya peperangan.
- Pun begitu, orang musafir yang tidak merasa keletihan ketika bermusafir, masih boleh mengamalkan rukhsah berbuka puasa dalam perjalanan.
- Meneruskan puasa ketika bermusafir bagi orang yang berkemampuan adalah pandangan kebanyakan ulama⁶³. Mereka berpandangan, puasa elok diteruskan kerana menyegerakan pelaksanaan ketaatan dalam situasi tiada kesukaran adalah lebih afdhal.

63 Lihat An-Nawawi, *Al-Minhaj Syarah Sahih Muslim Bin Al-Hajjaj*, 7/230 - 232. Zakariyya Al-Ansari, *Fath Al-`Allam Bi Syarh Al-`Ilam Bi Ahadith Al-Ahkam*, 350 - 351

RUKHSAH KHUSUS UNTUK ORANG TUA DAN PENGIDAP PENYAKIT BERAT BERLARUTAN

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ:
 رُحِّصَ لِلشَّيْخِ الْكَبِيرِ أَنْ يُفْطِرَ، وَيُطْعِمَ عَنْ كُلِّ يَوْمٍ مِسْكِينًا. وَلَا قَضَاءَ عَلَيْهِ.
 رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ

Daripada Ibn Abbas r.a katanya:

Diberikan kelonggaran (rukhsah) berbuka puasa kepada orang yang tua. Dan ia perlu memberi makan kepada 1 orang miskin untuk setiap satu hari (ia meninggalkan puasa). Ia tidak perlu melakukan qadha puasa.

H.R Ad-Daraqutni

60

Pengajaran Hadith:

- Setiap muslim pada asalnya wajib berpuasa di bulan Ramadhan apabila ia memenuhi syarat-syarat wajib berpuasa⁶⁴.
- Namun hukum ini terkecuali bagi golongan yang tidak mampu berpuasa disebabkan kesihatan yang merosot atau disebabkan terlalu tua. Mereka ini dikecualikan dari kewajipan berpuasa dan tidak perlu *mengqadhanya*. Sebaliknya mereka perlu membayar fidyah dengan kadar 1

64 Syarat wajib puasa ialah muslim, baligh, berakal waras, mempunyai kesihatan yang baik dan bermuqim. Lihat Az-Zuhaili, *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*, 3/1668 - 1669

cupak (675g)⁶⁵ beras yang bersamaan dengan nilai RM1.80 kepada fakir dan miskin⁶⁶ bagi setiap hari puasa⁶⁷ yang ditinggalkan⁶⁸.

- Hukum yang sama ditetapkan kepada orang yang tidak mampu berpuasa disebabkan mengalami penyakit berpanjangan dan sukar untuk sembuh. Golongan ini hanya perlu membayar fidyah puasa. Bagi memudahkan urusan, mereka boleh membayarnya sekaligus di hari terakhir bulan Ramadhan seperti yang diharuskan dalam mazhab Hanafi⁶⁹.

65 E-Muamalat JAKIM, <http://e-muamalat.islam.gov.my/ms/kalkulator-zakat/kalkulator-zakat-fidyah>, diakses pada 28 Dis 2021

66 Ibn Hajar Al-Haitami, **Al-Minhaj Al-Qawim Syarh Al-Muqaddimah Al-Hadramiyyah**, 259

67 Jika 30 hari puasa yang ditinggalkan, maka kadar fidyah yang perlu dibayar ialah sebanyak 20.25 kg beras atau nilai RM54.

68 Lihat Az-Zuhaili, **Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh**, 3/1701

69 Ibn `Abidin, **Hasyiah Ibn `Abidin**, 2/427

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ :

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: هَلَكْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ! قَالَ: وَمَا أَهْلَكَ؟ قَالَ: وَقَعْتُ عَلَى امْرَأَتِي فِي رَمَضَانَ، فَقَالَ: هَلْ تَجِدُ مَا تَغْتِقُ رَقَبَةً؟ قَالَ: لَا. قَالَ: فَهَلْ تَسْتَطِيعُ أَنْ تَصُومَ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ؟ قَالَ: لَا. قَالَ: فَهَلْ تَجِدُ مَا تُطْعِمُ سِتِّينَ مِسْكِينًا؟ قَالَ: لَا، ثُمَّ جَلَسَ، فَأُتِيَ النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - بِعَرَقٍ فِيهِ تَمْرٌ. فَقَالَ: تَصَدَّقْ بِهَذَا ، فَقَالَ: أَعَلَى أَقْفَرٍ مِنَّا؟ فَمَا بَيْنَ لَا بَيْتَهَا أَهْلٌ بَيْتٍ أَحْوَجُ إِلَيْهِ مِنَّا! فَضَحِكَ النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - حَتَّى بَدَتْ أَتْيَابُهُ، ثُمَّ قَالَ : اذْهَبْ فَأَطْعِمْهُ أَهْلَكَ .

62

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ

Daripada Abu Hurairah r.a katanya:

Seorang lelaki datang bertemu Nabi s.a.w dan berkata: "Saya telah binasa wahai Rasulullah!" Nabi bertanya: "Apa yang telah membinasakan kamu?" Lelaki itu menjawab: "Saya telah berhubungan kelamin dengan isteri di bulan Ramadhan." Nabi bertanya: "Adakah kamu mampu memerdekakan hamba sahaya?" Dia menjawab: "Tidak." Nabi bertanya: "Adakah kamu boleh berpuasa 2 bulan berturut-turut?" Lelaki itu menjawab: "Tidak." Nabi bertanya lagi: "Adakah kamu mampu menjamu makan 60 orang miskin?" Dia menjawab: "Tidak."

Kemudian lelaki itu duduk. Tidak lama kemudian ada orang datang memberi seberkas⁷⁰ kurma. Nabi berkata kepada lelaki itu:

70 Secara anggaran, seberkas kurma (1 `araq tamar) menyamai di antara 15 - 20 gantang, iaitu bersamaan dengan 39 kilogram - 52 kilogram dengan sukatan semasa. Lihat Abdullah Al-Bassam, *Tawdhih Al-Ahkam Min Bulugh Al-Maram*, 3/518

"Bersedekahlah dengan buah ini."** Lelaki itu berkata: "Kepada orang yang paling miskin dari kami? Di Madinah ini, tidak ada keluarga yang hidupnya lebih susah dari kami!" Lantas Nabi s.a.w ketawa hingga nampak gigi gerahamnya dan berkata: **"Pergilah dan jamulah makanan ini kepada keluarga kamu."

H.R Al-Bukhari dan Muslim

Pengajaran Hadith:

- Hadith ini menunjukkan, orang yang berpuasa di bulan Ramadhan tetapi melakukan hubungan kelamin di siang Ramadhan dengan sengaja, maka puasanya telah terbatal dan ia perlu menjalani kaffarah seperti berikut:
 1. Memerdekakan seorang hamba sahaya.
 2. Berpuasa selama 2 bulan berturut-turut.
 3. Menjamu makanan yang mengenyangkan kepada 60 orang miskin.
- 63 | • Denda-denda tersebut menunjukkan perlakuan hubungan kelamin di siang Ramadhan adalah kesalahan yang besar yang wajib dijaui ketika tempoh berpuasa⁷¹.
- Kaffarah tersebut hendaklah dilakukan mengikut turutan⁷². Jika seseorang itu tidak dapat memerdekakan hamba kerana ia tiada dalam pasaran semasa, ia hendaklah berpuasa selama 2 bulan berturut-turut. Jika ia tidak mampu melakukan puasa disebabkan halangan penyakit, barulah ia menjamu makan 60 orang miskin.
- Kaffarah tersebut hanya dikenakan kepada si suami kerana Nabi s.a.w hanya memperincikannya kepada lelaki tersebut serta tidak mengarahkan isterinya melakukan hal yang sama⁷³. Ada pun si isteri, ia hanya wajib mengqadha` puasanya sahaja⁷⁴.

71 Abdullah Al-Bassam, *Tawdhih Al-Ahkam Min Bulugh Al-Maram*, 3/519

72 Az-Zuhaili, *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*, 3/1740

73 Asy-Syawkani, *Nail Al-Awtar*, 4/256. Muhammad Al-Amin Al-Ithyubi, *Mursyid Zawi Al-Hija Wa Al-Hajah Ila Sunan Ibn Majah*, 10/102

74 Az-Zuhaili, *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*, 3/1740

عَنْ عَائِشَةَ وَأُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَتَا:
أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُصْبِحُ جُنُبًا مِنْ جَمَاعٍ، ثُمَّ يَغْتَسِلُ وَيَصُومُ.
مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ

Daripada Aisyah dan Ummu Salamah r.a kata mereka:
Nabi s.a.w pernah bangun di waktu subuh dalam keadaan berjunub disebabkan oleh jimak, kemudian baginda mandi dan meneruskan puasa.

H.R Al-Bukhari dan Muslim | 64

Pengajaran Hadith:

- Hadith ini menunjukkan, memulakan puasa dalam keadaan berjunub tidak memberikan sebarang kesan kepada kesahihan ibadah puasa⁷⁵.
- Melewatkan mandi wajib sehingganya terbitnya waktu subuh adalah di antara perkara yang diharuskan⁷⁶.
- Secara tersirat, hadith ini memberi isyarat perlakuan hubungan kelamin di waktu malam-malam bulan Ramadhan adalah diharuskan seperti yang ditetapkan dalam ayat 187 surah Al-Baqarah.

⁷⁵ Ibn Hajar Al-Asqalani, **Fath Al-Bari**, 6/485

⁷⁶ Ibid.

عَنْ أَبِي قَتَادَةَ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
سُئِلَ عَنْ صَوْمِ يَوْمِ عَرَفَةَ. قَالَ: يُكْفِّرُ السَّنَةَ الْمَاضِيَةَ وَالْبَاقِيَةَ. وَسُئِلَ عَنْ صِيَامِ
يَوْمِ عَاشُورَاءَ، قَالَ: يُكْفِّرُ السَّنَةَ الْمَاضِيَةَ .

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada Abu Qatadah Al-Ansari r.a katanya, Rasulullah s.a.w pernah ditanya tentang kelebihan berpuasa di Hari Arafah (hari ke-9 Zulhijjah). Baginda menjawab:

65

"Ia menghapuskan dosa tahun lalu dan dosa tahun hadapan."
Nabi ditanya tentang puasa di hari Asyura (hari ke-10 Muharram). Ia menjawab: *"Ia menghapuskan dosa tahun lalu."*

H.R Muslim

Pengajaran Hadith:

- Hadith ini menjelaskan 2 jenis puasa sunat tahunan yang patut kita amalkan iaitu:
 1. Puasa Hari Arafah atau 9 Zulhijjah
 2. Puasa Hari Asyura` atau 10 Muharram
- Hari Arafah atau hari 9 Zulhijjah merupakan siang yang mulia di sisi Allah. Pada hari tersebut, orang yang tidak melaksanakan ibadah haji disunatkan berpuasa⁷⁷ kerana ia akan menghapuskan dosa-dosa kecil tahun lalu dan tahun hadapan.

77 Ibn Abd Al-Barr, *At-Tamhid*, 13/341

- Hari yang ke-10 dari bulan Muharram (Asyura`) juga hari yang mulia. Berdasarkan sejarah, Nabi Nuh, Musa dan nabi-nabi lain juga pernah berpuasa pada hari tersebut⁷⁸. Orang yang berpuasa pada hari tersebut akan diberikan pengampunan dosa-dosa tahun lalu.

78 Ibn Rajab Al-Hanbali, **Lataif Al-Ma`arif**, 102

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ صَوْمِ يَوْمِ عَرَفَةَ بِعَرَفَةَ .

رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ

Daripada Abu Hurairah r.a katanya, bahawa *Rasulullah s.a.w* menegah berpuasa Arafah ketika berwuquf di hari Arafah.

H.R Abu Daud

67 | Pengajaran Hadith:

- Secara zahirnya, hadith ini tidak menggalakkan berpuasa 9 Zulhijjah bagi orang yang sedang berwuquf di Arafah.
- Ini kerana berpuasa di Hari Arafah boleh menghadkan aktiviti ibadah terutama di sepanjang tempoh siang 9 Zulhijjah⁷⁹, sedangkan ianya adalah waktu mustajab doa dan sarat dengan rahmat Allah s.w.t. Orang yang melaksanakan haji sangat digalakkan memaksimumkan peluang keemasan tersebut dengan berdoa, berzikir, mengucapkan tahlil, tasbih, bermunajat, membaca Al-Quran dan seumpamanya sehingga terbenam matahari.
- Pun begitu, jika seseorang masih berkemampuan memaksimumkan ibadah lain ketika sedang berpuasa, maka sebahagian ulama mengharuskan mereka yang sedang berwuquf untuk berpuasa sunat⁸⁰.

79 Lihat Ibn Battal, *Syarh Sahih Al-Bukhari*, 4/133 - 134

80 Ibid

- Adapun umat Islam yang tidak melakukan haji, mereka sememangnya digalakkan berpuasa pada hari ke-9 Zulhijjah, seperti yang telah dinyatakan dalam hadith yang ke-33.

عَنْ أَبِي قَتَادَةَ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ
عَنْ صَوْمِ يَوْمِ الْاِثْنَيْنِ قَالَ :
ذَٰكَ يَوْمٌ وُلِدْتُ فِيهِ، وَبُعِثْتُ فِيهِ، أَوْ أُنْزِلَ عَلَيَّ فِيهِ .

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada Abu Qatadah Al-Ansari r.a katanya, Rasulullah s.a.w pernah ditanya tentang kenapa baginda berpuasa pada hari Isnin. Baginda menjawab:

69 | *"Itu adalah hari saya dilahirkan, dilantik menjadi Rasul atau diturunkan wahyu pertama kepada saya."*

H.R Muslim

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
تُعْرَضُ الْأَعْمَالُ يَوْمَ الْاِثْنَيْنِ وَالْخَمِيسِ، فَأُحِبُّ أَنْ يُعْرَضَ عَمَلِي وَأَنَا صَائِمٌ .
رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ

Dari Abu Hurairah r.a, bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:
Segala amalan manusia dipamerkan kepada Allah pada hari Isnin dan hari Khamis. Maka aku suka amalanku dipamerkan dalam keadaan aku berpuasa.

H.R At-Tirmizi

Pengajaran Hadith:

- Berdasarkan catatan sejarah, beberapa peristiwa yang agung dan penting pernah berlaku pada hari Isnin iaitu⁸¹:
 1. Kelahiran Nabi s.a.w.
 2. Perlantikan Muhammad sebagai Rasul dan Nabi.
 3. Penurunan wahyu yang pertama.
 4. Kewafatan Nabi s.a.w.
 5. Peristiwa Isra` dan Mi`raj (menurut sesetengah ulama).
 6. Nabi tiba di Madinah dalam peristiwa hijrah.
 7. Amalan manusia dilaporkan kepada Allah.
- Peristiwa-peristiwa besar tersebut telah menjadikan hari Isnin sebagai hari yang istimewa di sisi Allah.
- Disunatkan berpuasa pada hari Isnin dan Khamis kerana ia adalah hari amalan manusia dilaporkan kepada Allah. Justeru amat elok sekali jika kesempatan tersebut digunakan untuk menambah amalan baik seperti berpuasa.
- Malaikat melaporkan amalan manusia kepada Allah bukan kerana Allah tidak tahu apa yang manusia lakukan. Namun hikmahnya kerana Allah berbangga dan mahu mengangkat kedudukan orang-orang taat di hadapan para malaikat⁸².

81 Ibn Ruslan, **Syarah Sunan Abi Daud**, 10/528

82 Abu Al-Hasan Al-Mubarakfuri, **Mir`at Al-Mafatih**, 7/84

عَنْ أَبِي أَيُّوبَ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
مَنْ صَامَ رَمَضَانَ، ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ، كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ .

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada Abu Ayyub Al-Ansari r.a, Rasulullah s.a.w bersabda:
Sesiapa yang berpuasa Ramadhan, kemudian ia lanjutkannya dengan puasa 6 hari di bulan Syawal, maka ianya seakan berpuasa sepanjang tahun.

H.R Muslim

Pengajaran Hadith:

- Hadith ini menjelaskan, berpuasa sebulan Ramadhan (29 atau 30 hari) bersama 6 hari di bulan Syawal boleh menghasilkan ganjaran pahala seakan berpuasa sepanjang tahun.
- Ini kerana asas ganjaran pahala bagi setiap 1 ibadah adalah 10. Justeru, apabila jumlah 35 atau 36 hari (gabungan antara puasa Ramadhan dan Syawal) didarabkan dengan 10 pahala, ia menerbitkan jumlah antara 350 – 360 ganjaran pahala⁸³ yang menyamai bilangan hari dalam setahun.
- Inilah maksud ganjaran seakan berpuasa setahun. Bilangan angka pahala yang dijanjikan seakan seseorang itu berpuasa setiap hari dalam setahun.

83 Lihat Abu Abdullah Al-Maziri Al-Maliki, *Al-Mu`lim Bi Fawaid Muslim*, 2/65

عَنْ أَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ قَالَ :

أَمَرَنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَنْ نَصُومَ مِنَ الشَّهْرِ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ: ثَلَاثَ عَشْرَةَ، وَأَرْبَعَ عَشْرَةَ، وَخَمْسَ عَشْرَةَ .

رَوَاهُ النَّسَائِيُّ

Daripada Abu Zar r.a katanya:

Rasulullah s.a.w telah menyuruh kami berpuasa 3 hari dalam sebulan, iaitu hari ke-13, 14 dan 15.

H.R An-Nasa`iy

72

رُوي أَنَّ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهَا قِيلَ لَهَا :

مِنْ أَيِّ أَيَّامِ الشَّهْرِ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصُومُ؟ قَالَتْ: لَمْ يَكُنْ يَبَالِي مِنْ أَيِّ أَيَّامِ الشَّهْرِ يَصُومُ .

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Diriwayatkan bahawa Aisyah r.a pernah ditanya:

"Pada hari apakah Nabi s.a.w selalu berpuasa pada setiap bulan?"

Aisyah menjawab: "Nabi tidak peduli pada hari apa dia berpuasa pada setiap bulan."

H.R Muslim

وَفِي رِوَايَةٍ لِأَحْمَدَ: هِيَ كَصَوْمِ الدَّهْرِ .

Di dalam riwayat Ahmad menyebutkan: *Ganjaran puasanya (3 hari sebulan) adalah seperti berpuasa selama setahun.*

Pengajaran Hadith:

- 'Hari-hari putih' (ayyam al-bidh) bermaksud hari yang malamnya cerah disebabkan munculnya bulan purnama. Ia berlaku pada hari ke-13, 14 dan 15 dari bulan-bulan hijri.
 - Antara hikmah di sebalik galakan berpuasa pada hari-hari putih:
 1. Apabila waktu malamnya diterangi cahaya bulan penuh, maka amat sesuai siangnya di'terangi' dengan ibadah puasa⁸⁴.
 - Hadith ke-2 menunjukkan, Nabi s.a.w melakukan puasa 3 hari sebulan tidak mengikut hari-hari putih. Ada ketikanya Nabi berpuasa 3 hari di awal bulan, di pertengahan bulan atau di hujung bulan .
- 73 | • Ini menunjukkan terdapat keluasan dalam mengamalkan puasa 3 hari dalam sebulan⁸⁵.
- Hadith ke-3 menyebutkan, mereka yang dapat berpuasa sunat 3 hari setiap bulan akan mendapat ganjaran seakan berpuasa sepanjang tahun. Ini merujuk kepada kaedah kiraan:
 1. 3 hari puasa bulanan X 12 bulan = 36 hari
 2. 36 hari X 10 ganjaran pahala = 360 pahala

84 Abu Al-Hasan Al-Mubarakfuri, *Mir`at Al-Mafatih*, 7/85

85 Abu Al-Abbas Al-Qurtubi, *Al-Mufhim Li Ma Uyskila Min Talkhis Kitab Muslim*, 3/232

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ :

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ صِيَامِ يَوْمَيْنِ: يَوْمِ الْفِطْرِ وَيَوْمِ النَّحْرِ.
مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ

Daripada Abu Said Al-Khudri r.a katanya:

*Rasulullah menegah berpuasa pada 2 hari iaitu hari raya
Aid Al-Fitri dan hari Raya Qurban.*

H.R Al-Bukhari dan Muslim

Pengajaran Hadith:

74

- 1 Syawal dan 10 Zulhijjah adalah dua hari raya yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t untuk umat Islam.
- Hari raya Aidil Fitri adalah hari kita makan dan minum serta dikecualikan dari berpuasa. Sementara hari raya Aidil Adha pula ialah hari menyembelih dan menikmati daging haiwan qurban⁸⁶.
- Seluruh ulama bersepakat, umat Islam diharamkan melakukan sebarang bentuk puasa pada kedua-dua hari tersebut, sama ada puasa sunat, puasa qadha, puasa nazar dan sebagainya⁸⁷. Malah sesiapa yang berpuasa pada salah satu dari dua hari tersebut, maka ia dikira melakukan maksiat kepada Allah kerana menyanggahi tegahan Nabi s.a.w.

86 Ibn Al-Athir Al-Jazari, *Asy-Syafi Fi Syarh Musnad Asy-Syafi`iy*, 3/194

87 Ibn Abd Al-Barr, *At-Tamhid*, 8/132

TEGAHAN BERPUASA PADA HARI-HARI TASYRIQ

عَنْ ثُبَيْشَةَ الْهَذَلِيِّ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ :
أَيَّامُ التَّشْرِيقِ أَيَّامُ أَكْلٍ وَشُرْبٍ وَذِكْرِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ .

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada Nubaishah Al-Huzali r.a katanya, sabda Rasulullah s.a.w:

Hari-hari Tasyriq ialah hari-hari makan, minum dan mengingati Allah.

H.R Muslim

Pengajaran Hadith:

- Istilah 'tasyriq' adalah merujuk kepada sebuah aktiviti lama sebelum wujudnya peti sejuk iaitu menjemur dan mengeringkan daging qurban di bawah matahari setelah ia dipotong nipis-pinis dengan tujuan menjadikan ia tahan lebih lama⁸⁸.
- Hari-hari Tasyriq di sisi syarak ialah merujuk kepada hari yang ke-11, 12 dan 13 dari bulan Zulhijjah.
- Syarak menegah berpuasa pada ketiga-tiga hari tersebut kerana Nabi s.a.w menabalkannya sebagai hari makan dan minum sambil mengingati Allah.
- Tegahan berpuasa pada hari-hari tersebut adalah munasabah kerana ia adalah lanjutan dari suasana gembira di Aidil

88 Abdullah Al-Bassam, *Tawdhih Al-Ahkam Min Bulugh Al-Maram*, 3/547

Adha dan tempoh dibenarkan aktiviti sembelihan haiwan qurban.

- Maksud mengingati Allah pula ialah melafazkan takbir pada setiap kali selepas solat fardu di sepanjang tempoh Hari Tasyriq⁸⁹.
- Dengan hadith di atas, maka jumlah hari yang ditegah berpuasa dalam setahun ada 5 hari iaitu:
 1. 1 Syawal
 2. 10 Zulhijjah
 3. 11 Zulhijjah
 4. 12 Zulhijjah
 5. 13 Zulhijjah.

⁸⁹ Ali As-Sobuni, *Sofwah At-Tafasir*, 1/116

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
لَا صَامَ مَنْ صَامَ الْأَبَدَ .

مُتَّقٍ عَلَيْهِ

Daripada Abdullah bin `Amr r.a katanya, sabda Rasulullah s.a.w:

Tiada dikira berpuasa bagi orang yang berpuasa sepanjang masa.

H.R Al-Bukhari dan Muslim

77

عَنْ أَبِي قَتَادَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ صِيَامِ
الدَّهْرِ :
لَا صَامَ وَلَا أَفْطَرَ .

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Dari Abu Qatadah r.a katanya, Rasulullah s.a.w pernah memberi ulasan tentang puasa sepanjang tahun:

Pelakunya tidak dikira berpuasa dan berbuka puasanya tidak dikira sebagai berbuka⁹⁰.

H.R Muslim

90 Ertinya, perbuatan berbuka puasanya juga tidak dikira sebagai berbuka kerana ibadah puasanya sejak awal dikira tiada di sisi syarak. Rujuk perincian hukum dalam Pengajaran Hadith hadith ke-40 dan nota kakinya.

Pengajaran Hadith:

- Berpuasa adalah ibadah yang mulia di sisi Allah.
- Pun begitu, ibadah puasa yang mulia boleh tertolak di sisi Allah jika ia diamalkan tidak mengikut ketetapan syarak.
- Secara amnya, berpuasa setiap hari dan sepanjang tahun adalah diharuskan⁹¹. Namun ia ditegah syarak jika terdapat 2 unsur berikut:
 1. Berpuasa sepanjang tahun termasuk pada hari-hari yang diharamkan berpuasa, iaitu 1 Syawal, 10 Zulhijjah dan 3 hari Tasyriq⁹².
 2. Berpuasa setiap hari dan sepanjang tahun hingga mengakibatkan mudarat pada kesihatan⁹³ atau menyebabkan kewajipan lain terabai⁹⁴.
- Nabi menggalakkan umatnya berseimbang di antara hari berpuasa dan hari tidak berpuasa agar tubuh badan mempunyai tenaga yang cukup untuk menjalankan tanggungjawab kepada keluarga dan masyarakat⁹⁵.
- Berpuasa sepanjang tahun boleh memberi impak tidak baik kepada tubuh badan dan kelancaran aktiviti manusia untuk jangka pendek dan panjang. Ia juga boleh meletihkan pelakunya dari melaksanakan ibadah lain seperti solat sunat, membaca Al-Quran dan sebagainya. Malah ia boleh menghadkan kebaikan lain seperti berziarah, mencari rezeki

91 Abu Al-Mutarriif Al-Qanazi`iy, **Tafsir Al-Muwatta`**, 1/289.

Seorang Sahabat Nabi bernama Abu Talhah pernah berpuasa setiap hari, sama ada ketika bermuqim atau bermusafir. Perkara ini berlaku di hadapan Nabi s.a.w dan baginda tidak menegahnya. Lihat Abu Sulaiman Al-Khattabi, **Ma`alim As-Sunan**, 2/130

92 Abu Al-Mutarriif Al-Qanazi`iy, **Tafsir Al-Muwatta`**, 1/289. Abu Sulaiman Al-Khattabi, **Ma`alim As-Sunan**, 2/130

93 Ibn Battal, **Syarh Sahih Al-Bukhari**, 4/123

94 Al-Husain bin Mahmud Al-Muzhiri, **Al-Mafatih Fi Syarh Al-Masabih**, 3/40. Yahya bin Syaraf An-Nawawi, **Minhaj At-Talibin**, 79

95 Ibn Battal, **Syarh Sahih Al-Bukhari**, 4/123

dan menjalankan tanggungjawab lain⁹⁶.

- Islam adalah agama sederhana dan mengajak penganutnya menunaikan hak Allah dan hak makhluk secara seimbang, tanpa mencuaikan mana-mana pihak.

96 Lihat Ibn Battal, **Syarh Sahih Al-Bukhari**, 4/122 – 123

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ :
عَزَّوْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَزْوَتَيْنِ فِي شَهْرِ رَمَضَانَ: يَوْمَ بَدْرٍ وَيَوْمَ
الْفَتْحِ، فَأَفْطَرْنَا فِيهِمَا.
رَوَاهُ أَحْمَدُ

Daripada Umar bin Al-Khattab r.a katanya:

Kami pernah terlibat dengan dua peperangan bersama-sama Rasulullah s.a.w di bulan Ramadhan, iaitu peperangan Badar dan Pembukaan Kota Mekah. Kami telah berbuka puasa dalam kedua-dua peristiwa tersebut.

H.R Ahmad

80

Pengajaran Hadith:

- Perang Badar adalah peperangan pertama dalam sejarah Islam. Ia merupakan peperangan penentu terhadap survival agama dan umat Islam ketika itu. Perang Badar berlaku pada bulan Ramadhan tahun ke-2 hijrah.
- Pembukaan Kota Mekah pula berlaku pada bulan Ramadhan tahun ke-8 hijrah. Menjelang peristiwa tersebut, terdapat jangkaan dan kemungkinan berlakunya peperangan. Justeru, Nabi s.a.w melakukan langkah berhati-hati dengan mempersiapkan tentera seramai 10 ribu orang⁹⁷.
- Bagi memaksimumkan kekuatan tentera Islam dan meningkatkan keyakinan untuk menang, Nabi s.a.w

97 Lihat Syawqi Abu Khalil, *Fi At-Tarikh Al-Islami*, hlm. 172 dan seterusnya.

mengarahkan para Sahabat agar berbuka puasa sebelum peperangan bermula seperti yang dilaporkan oleh Saidina Umar bin Al-Khattab r.a.

- Peperangan bersenjata menuntut kepada persiapan dan kekuatan fizikal yang optimum. Justeru, berbuka puasa dalam situasi ini adalah tindakan yang munasabah dan lebih tepat dengan objektif menundukkan musuh.
- Islam adalah agama yang relevan dengan realiti kehidupan. Dakwaan yang mengatakan kononnya para Sahabat tetap berpuasa ketika berperang adalah tidak benar. Ia adalah dakwaan yang tidak berasaskan bukti dan ilmu.

KANDUNGAN

TOPIK	HALAMAN
Kata-Kata Aluan	1
Pensyariatatan Puasa Ramadhan Di Dalam Al-Quran..	3
Puasa Wajib Dan Puasa Sunat Dalam Syariat Islam..	5
Tegahan Berpuasa Menjelang Ramadhan.....	7
Tegahan Berpuasa Setelah Berlalunya Separuh Syā'aban.....	9
Larangan Berpuasa Di Hari Syak (Ragu-Ragu).....	11
Penentuan Puasa Dan Hari Raya Dengan Ru'yah Dan Hisab.....	13
Kriteria Menerima Penyaksian Penceraf	
Anak Bulan.....	15
Kewajipan Berniat Puasa Ramadhan Di Waktu Malam.....	18
Kelonggaran Waktu Niat Puasa Sunat.....	20
Keharusan Membatalkan Puasa Sunat.....	22
Kebaikan Menepati Sunnah Nabi.....	24
Keberkatan Makan Di Waktu Sahur.....	26
Galakan Berbuka Puasa Secara Sederhana.....	27
Berdoa Ketika Berbuka Puasa.....	29
Ganjaran Menjamu Orang Berbuka Puasa.....	31
Harus, Tapi Bersyarat... ..	33
Amaran Keras Berbuka Puasa Tanpa Keuzuran.....	34
Termakan Dan Terminum Ketika Berpuasa.....	36
Menyegarkan Tubuh Ketika Berpuasa.....	38

Jauhi Sikap Yang Menyusutkan Pahala Puasa.....	40
Dinafikan Pahala Walaupun Berpuasa.....	42
Latihan Mengawal Diri Ketika Berpuasa.....	44
Puasa Sebagai Benteng Dari Dosa Dan Azab Neraka.	46
Kelebihan Melaksanakan Puasa Dengan Sempurna..	48
Peluang Mustajab Doa Untuk Orang Berpuasa.....	49
Kelebihan Bersabar Ketika Orang Lain Sedang Makan	51
Di Antara Perkara Yang Membatalkan Puasa.....	53
Galakan Mengamalkan Rukhsah Dalam Situasi Mendesak	55
Situasi Yang Memberi Pilihan Di Antara `Azimah Dan Rukhsah	58
Rukhsah Khusus Untuk Orang Tua Dan Pengidap Penyakit Berat Berlarutan	60
Kesalahan Yang Mewajibkan Qadha` Puasa Dan Kaffarah	62
Puasa Orang Berjunub Adalah Sah	64
Kelebihan Berpuasa Hari Arafah Dan Hari Asyura` ..	65
Tegahan Berpuasa Di Hari Arafah	67
Kelebihan Berpuasa Pada Hari Isnin Dan Khamis ...	69
Kelebihan Berpuasa 6 Hari Di Bulan Syawal	71
Galakan Berpuasa Pada Hari-Hari Putih	72
Tegahan Berpuasa Pada 2 Hari Raya	74
Tegahan Berpuasa Pada Hari-Hari Tasyriq	75
Galakan Berseimbang Dalam Beragama	77
Islam Agama Yang Realistik, Tidak Melampau	80
Kandungan	82

